



-----  
**PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 4 TAHUN 2024**  
-----

**PELARASAN SEMULA JAWATAN PRO NAIB CANSOLOR  
DI UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)**

**Tujuan**

1. Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai pelarasan semula jawatan Pro Naib Canselor di UMT.

**Latar Belakang**

2. Sebagai sebuah universiti yang dinamik dan berdaya saing, UMT perlu memastikan struktur organisasi dan fungsinya yang menjadi asas kepada tadbir urus yang cemerlang sentiasa dikemas kini dan relevan dengan keperluan semasa.

**Pelarasan Semula Jawatan Pro Naib Canselor UMT**

3. Selaras dengan perkembangan semasa Universiti serta tuntutan keperluan pelbagai pihak dan pemegang taruh, Lembaga Pengarah Universiti dalam mesyuaratnya Kali Ke-92 (Khas) Bil. 5 Tahun 2024 yang bersidang pada 16 Ogos 2024 telah bersetuju supaya pelarasan semula jawatan Pro Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat, Jaringan Industri dan Masyarakat) atau "PNC (HEKJIM)" dan Pro Naib Canselor (Strategi dan Prestasi) atau "PNC (S&P)" dilaksanakan.
4. Lembaga Pengarah bersetuju agar jawatan PNC (HEKJIM) dan PNC (S&P) digabungkan dan dijenamakan semula sebagai Pro Naib Canselor (Industri, Masyarakat dan Strategi) / *Pro Vice Chancellor (Industry, Community and Strategy)* atau singkatannya "PNC (ICS)".
5. Secara umumnya, PNC (ICS) bertanggungjawab dalam hal ehwal berkaitan program pemindahan ilmu dan jaringan industri serta strategi dan prestasi universiti dalam pelbagai penerafan.

6. Berdasarkan portfolio PNC (ICS) ini, penjajaran semula pusat tanggungjawab di bawah PNC (HEKJIM) dan PNC (S&P) terdahulu turut dilaksanakan supaya sesuai dengan situasi semasa. Carta organisasi UMT terkini adalah seperti di **Lampiran 1**.

**Penyandang Pro Naib Canselor (Industri, Masyarakat dan Strategi)**

7. Penyandang bagi portfolio PNC (ICS) ini adalah **Prof. Dr. Fauziah binti Abu Hassan**.

**Tarikh Kuat Kuasa**

8. Pekeliling ini adalah berkuat kuasa pada **1 September 2024**. Sehubungan itu, seluruh warga UMT dimohon untuk mengambil maklum mengenai penambahbaikan struktur organisasi dan tadbir urus UMT tersebut.

**Ts. WAN ABDUL MANAN BIN WAN ABDULLAH**

Pendaftar

Universiti Malaysia Terengganu

